

**Bubar Parlimen selepas 4 tahun
Utusan Online
04 April, 2012**

KUALA LUMPUR 3 April – Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya yang membentangkan laporannya di Dewan Rakyat hari ini mengesyorkan Parlimen hanya boleh dibubarkan selepas mencapai tempoh empat tahun dan ia hendaklah diperuntukkan di dalam Perlembagaan.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, selain daripada syor tersebut pihak jawatankuasa turut mencadangkan perjawatan tambahan diwujudkan bagi menubuhkan satu pasukan penguat kuasa khas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasanya tanpa perlu bergantung kepada pihak berkuasa lain.

Beliau berkata, PSC maklum bahawa SPR dalam menguatkuasakan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) amat bergantung dengan kerjasama pihak berkuasa lain seperti polis.

“Dua syor ini adalah di bawah tajuk perundangan dan pindaan peraturan. Di bawah tajuk ini juga kita turut mengesyorkan pihak media diberi kemudahan mengundi secara pos menurut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

“Jawatankuasa juga dimaklumkan kaedah pengundian bagi petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah secara pos,” katanya ketika membentangkan laporan PSC Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya di Dewan Rakyat hari ini.

PSC yang ditubuhkan pada melalui satu sidang Dewan Rakyat pada 3 Oktober lalu telah mengadakan enam siri pendengaran awam dan 13 mesyuarat prosiding jawatankuasa.

Hasil daripada pendengaran awam, mesyuarat PSC termasuk rumusan semua jawatankuasa kecil serta pemerhatian lawatan kerja PSC, pihak jawatankuasa akhirnya berjaya mengenal pasti 22 syor bagi menambah baik proses pilihan raya di negara ini.

Ongkili berkata, PSC juga mengesyorkan supaya SPR mengkaji cadangan membenarkan pra pendaftaran seseorang warga negara untuk didaftarkan sebagai pemilih apabila mencapai umur 20 tahun untuk dilaksanakan dalam tempoh Parlimen ketiga belas.

“Jawatankuasa mengambil maklum cadangan untuk membenarkan pra pendaftaran seseorang warga negara apabila mencapai umur 20 tahun untuk didaftarkan sebagai pemilih dan hanya dibenarkan mengundi apabila seseorang warga negara itu mencapai umur 21 tahun.

“Jawatankuasa juga mengambil maklum bahawa bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan pindaan hendaklah dibuat kepada Perkara 119 Perlembagaan,” ujarnya.

Berhubung perkara berkaitan kerajaan sementara (Caretaker Government) beliau berkata, PSC mengesyorkan SPR dalam tempoh tiga bulan dari tarikh laporan yang dibentangkannya hari ini dapat menyediakan suatu garis panduan dan kod etika tatalaku.

“Ia terpakai bagi mana-mana pihak yang diberi tugas menjalankan fungsi kerajaan sementara sehinggalah satu kerajaan yang baru dibentuk di peringkat Persekutuan dan negeri,” katanya lagi.

Mengenai usaha memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia di luar negara mengundi sama ada di pejabat kedutaan atau secara pos Ongkili berkata, PSC mengesyorkan SPR berbincang dengan pihak-pihak berkuasa berkaitan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh laporan yang dibentangkannya itu diterima oleh Dewan Rakyat.

“Jawatankuasa mengambil maklum syarat-syarat yang dicadangkan oleh SPR bagi pengundi luar negara iaitu perlu mendaftar sebagai pemilih dan hendaklah balik ke Malaysia sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun terdahulu sehingga tarikh memohon untuk mengundi sebagai pengundi pos,” ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0404&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_01.htm